

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

RPW 541 - Teori dan Falsafah Perancangan

Tarikh: 13 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 Jam )

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Menurut Reade,E., "Perancangan adalah satu cara di dalam membuat keputusan". Bincangkan kenyataan ini dan nyatakan cara-cara lain yang dikenalpasti oleh beliau.

(20 markah)

2. Dengan cara manakah konsep-konsep dan teori-teori perancangan berubah sejak limapuluh tahun yang lalu? Jawab soalan ini berpandukan kepada sistem perancangan di Malaysia atau United Kingdom.

(20 markah)

3. Pernah dikatakan bahawa satu teori perancangan mungkin bergantung kepada pertalian di antara persekitaran kemasyarakatan dan metodologi perancangan. Andaikan bahawa tindakan perancangan tidak boleh dilaksanakan dari kedudukan "value neutrality", bincangkan kenyataan di atas.

(20 markah)

...2/-

4. Dengan menggunakan contoh-contoh, bincangkan bagaimana ideologi telah mencorak pemikiran mengenai perancangan bandar.

(20 markah)

5. Setujukah anda Perancangan Pembelaan (Advocacy Planning) menggalakkan yang miskin untuk mengurus keadaan pergantungan (dependency) mereka.

(20 markah)

6. Memandangkan bahawa teori dan falsafah perancangan berasal dari pengalaman Barat maka mungkin apa-apa yang diwarisi dalam perancangan bandar tempatan perlu diubahsuaikan. Bincangkan.

(20 markah)

7. Seringkali kedengaran laungan-laungan yang mengatakan bahawa soalan-soalan keduniaan (seperti politik, ekonomi, dll.) tidak boleh disatukan dengan ugama.

(a) Mengapa pula bidang-bidang seperti perancangan dianggap sebagai sebahagian dari ajaran dan tuntutan Islam?

(b) Apakah perkara-perkara pokok yang, sekiranya terdapat di dalam sesuatu amalan perancangan, dapat mengasingkannya (perancangan tersebut) dari perancangan-perancangan yang lain sehingga ia bolehlah dikenali hanya sebagai perancangan Islam?

(20 markah)

8. Model adalah satu daripada berbagai alat yang digunakan oleh para perancang negara untuk mengkaji keadaan masa kini dan seterusnya membuat unjuran tentang keadaan masa hadapan. Pilih Satu daripada bidang ekonomi, pengangkutan, penduduk, atau alam semulajadi dan bandingkan Dua model yang berlainan digunakan untuk tujuan analisis dan unjuran.

Bincangkan kejayaan atau kegagalan model-model sebagai alat membuat ramalan.

(20 markah)

9. Pada pendapat anda, apakah peranan dan tanggungjawab seorang perancang bandar?

Sejauhmanakah peranan dan tanggungjawab ini diamalkan di salah sebuah organasasi yang anda ketahui?

(20 markah)

-ooooooo-

